

29 JUL 2002

Dompok-Kerusi/I

UPKO SEDIA TERIMA PEMBAHAGIAN KERUSI BAGI KADAZANDUSUN

KOTA KINABALU, 29 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Bersatu Pasok Momogun Kadazandusun Murut (Upko), salah satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, sedia menerima pembahagian kerusi yang diperuntukkan kepada parti berkenaan dalam pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Tan Sri Bernard Dompok berkata Upko akan akur kepada keputusan kepimpinan BN mengenai perkara itu.

"Saya tidak fikir ada apa-apa masalah dalam pembahagian kerusi itu. Sebaik sahaja keputusan dibuat, semua parti komponen BN perlu menghormatinya dan saya fikir perkara ini berlaku dalam semua pilihan raya yang saya sertai.

"Sudah tentu ada banyak perebutan sebelum pilihan raya tetapi apabila ianya telah diputuskan, semua pihak perlu menerimanya untuk kebaikan BN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dialog mengenai peluang perniagaan dalam industri petroleum di sini hari ini.

Dompok, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang meminta semua parti komponen BN supaya bersedia menerima kerusi yang diperuntukkan kepada parti masing-masing dalam pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata beliau membuat rayuan itu pada peringkat yang awal supaya apabila beliau selaku pengerusi BN membuat keputusan nanti, mereka perlu akur kepada keputusan itu.

Ditanya mengenai pembahagian kerusi yang terhad kepada Kadazandusun di kalangan parti komponen BN di Sabah, termasuk Parti Bersatu Sabah (PBS), Dompok berkata: "Sekiranya ramai orang cuba mendapatkan kerusi yang terhad...mereka semua perlu menerima apa yang mereka perolehi."

"Sudah tentu, persoalan sama ada parti boleh menyumbang kepada kemenangan BN adalah satu lagi perkara yang dipertimbangkan dalam semua pilihan raya," kata beliau.

Pada masa ini, Upko, sebuah parti Kadazandusun Murut, mempunyai tiga anggota dewan undangan negeri -- Datuk Wences Anggang (Kuala Penyu), Datuk Siringan Gubat (Ranau), Datuk Clarence Bongkos Malakun (Moyog) dan tiga anggota Parlimen

-- Dompok (Kinabalu), Wilfred Madius Tangau (Tuaran) dan Philip Lasimbang (Penampang).

Dompok berkata konsep pemuafakatan BN terbukti berkesan dan berjaya menempuhi ujian dalam menyelesaikan mana-mana pertelingkahan berkaitan pembahagian kerusi di kalangan parti komponennya dalam semua pilihan raya umum.

Dalam perkembangan lain, Dompok menggesa usahawan tempatan mewujudkan rangkaian dengan entiti perniagaan antarabangsa yang sudah kukuh sekiranya mereka membabitkan diri dalam industri petroleum bagi mempertingkatkan daya saingan.

Beliau berkata sesi dialog antara ahli perniagaan tempatan dan Petronas di sini bersesuaian kerana ia memberikan mereka wawasan kepada banyak peluang perniagaan berkaitan industri petroleum terutamanya di Sabah.

-- BERNAMA

NT RM ROS